



## **SOALAN-SOALAN LAZIM**

### **1. Apakah Majlis Mesyuarat Negara?**

Majlis Mesyuarat Negara atau juga dikenali dengan singkatan MMN, ditubuhkan menurut Perkara 23 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959. MMN merupakan landasan rasmi bagi perbincangan mengenai perkara-perkara dan isu yang relevan dan berkepentingan kepada rakyat dan negara.

### **2. Bilakah Majlis Mesyuarat Negara bersidang untuk kali pertama?**

Sebelum kemerdekaan Majlis Mesyuarat Negeri pada awalnya telah bersidang sebanyak 32 kali antara 21 Oktober 1959 hingga 12 Februari 1984. Majlis Mesyuarat Negara ditubuhkan semula pada tahun 2004 dan pada tahun 2025, telahpun bersidang selama 21 tahun sejak itu.

### **3. Apakah peranan utama Majlis Mesyuarat Negara?**

Majlis Mesyuarat Negara berperanan sebagai badan perundungan tertinggi Negara yang bertanggungjawab dalam Penggubalan Undang-Undang (*Law-Making*); Penelitian Perbelanjaan (*Financial Scrutiny*); dan Penelitian serta semak-dan-imbang (*Inquisitorial and Check & Balance*).

### **4. Bilakah Bangunan Dewan Majlis dirasmikan?**

Bangunan Dewan Majlis iaitu tempat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara diadakan telah dirasmikan pada 4 Mac 2008.

## **5. Siapakah Ahli Majlis Mesyuarat Negara?**

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dilantik menurut Perkara 24 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 iaitu 34 orang Ahli yang terdiri dari Ahli Rasmi Kerana Jawatan; dan Ahli Yang Dilantik: Orang-Orang Yang Bergelar; Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan; dan Wakil-Wakil Dari Daerah. Tempoh Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah lima tahun.

## **6. Siapakah Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara?**

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara adalah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

## **7. Siapakah Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara?**

Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara adalah Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

## **8. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan “Musim”?**

Secara umumnya, “Musim” adalah tempoh permulaan sidang Majlis Mesyuarat Negara hingga penghujungnya pada setiap tahun.

## **9. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan “Mesyuarat” Majlis Mesyuarat Negara?**

Mesyuarat adalah kumpulan persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang bermula dari bila-bila masa Majlis Mesyuarat Negara dipanggil untuk bersidang dan berakhir setelah Majlis Mesyuarat ditangguhkan. Dalam setiap Musim Majlis Mesyuarat Negara terdapat Mesyuarat Pertama dan Mesyuarat Kedua.

## **10. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan "Persidangan"?**

Persidangan merujuk kepada hari-hari mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara. Persidangan Majlis merujuk kepada satu hari persidangan Majlis Mesyuarat Negara, lazimnya bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 12.00 petang dan disambung semula pada pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang.

## **11. Apakah peraturan bagi Majlis Mesyuarat Negara?**

Perlaksanaan mesyuarat berdasarkan Peraturan Majlis Mesyuarat Negara (*Standing Order*), Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

## **12. Apakah perkara utama yang dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negara?**

Majlis Mesyuarat Negara membincangkan perkara penting seperti Usul-Usul dan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan yang mana MMN akan menimbangkan dan seterusnya meluluskan Rang Undang-Undang ini untuk menjadi Akta Perbekalan bagi Tahun Kewangan. Persidangan juga membuka ruang kepada Waktu Pertanyaan dan Kenyataan Menteri.

## **13. Apakah yang dibincangkan dalam sesi-sesi Majlis Mesyuarat Negara?**

Sesi-sesi Majlis Mesyuarat Negara mengadakan perbahasan dan pertukaran fikiran yang mana semua menjerus kepada membincangkan perkara dan isu yang berkepentingan kepada rakyat dan negara. Perbincangan, permuzakarahan dan kesepakatan antara semua pihak adalah penting oleh kerana dengan cara inilah akan dapat membina rangkaian kerja yang lebih strategik dan terarah, demi kepentingan Negara.

## **14. Apakah prosedur untuk melawat Persidangan MMN?**

Pelawat dan orang ramai yang berminat untuk menghadiri Sesi Persidangan adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan dan garis pandu persidangan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan bagi memastikan keselesaan serta kelancaran sepanjang sesi berlangsung.

### Kod Pakaian Rasmi

Bagi Lelaki:

- Baju kemeja lengan panjang dan seluar panjang (*lounge suit*) serta tali leher ATAU Pakaian Melayu Islam Beraja ATAU Baju Melayu lengkap dengan sinjang dan bersongkok
- Memakai blazer hitam atau warna gelap
- Kasut kerja

Bagi Perempuan:

- Baju kurung ATAU Baju kemeja lengan panjang & seluar/skirt labuh panjang (*lounge suit*) dan bertudung (Bagi yang beragama islam)
- Memakai blazer hitam atau warna gelap
- Kasut kerja

Bagi sekolah-sekolah / institusi pendidikan:

- Mahasiswa-mahasiswa:
  - Baju lengan panjang, seluar panjang dan bersongkok (bagi mahasiswa) / Baju kurung & bertudung (bagi mahasiswa)
  - Kasut kerja
- Penuntut-penuntut sekolah:
  - Pakaian seragam sekolah masing-masing (*school uniform*)
  - Kasut sekolah

Pakaian yang tidak dibenarkan:

- Pakaian seperti Topi atau cap/ Baju lengan pendek atau T-Shirt atau Sukan/ Seluar jeans atau pendek atau sukan/ Skirt pendek/ Leggings/ Sandal/ Selipar

Peraturan Dewan:

1. Ditegah merokok sama ada di dalam dan di luar kawasan Bangunan Dewan Majlis.
2. Dilarang mengambil gambar / video di dalam dewan semasa persidangan sedang dijalankan.
3. Orang ramai atau pelawat yang hadir untuk mendengar perbahasan adalah ditegaskan untuk mengaktifkan telefon bimbit masing-masing kepada mod senyap (*silent mode*) semasa berada di dalam Dewan Persidangan.
4. Ditegah membawa benda-benda yang merbahaya yang boleh mengancam keselamatan. Tapisan keselamatan akan dibuat sebelum memasuki Bangunan Dewan Majlis.
5. Dilarang membuat bising atau bercakap-cakap semasa persidangan dijalankan.
6. Dilarang membuang sampah di dalam Dewan Persidangan. Sila gunakan tempat pembuangan sampah yang disediakan di dalam Bangunan Dewan Majlis.
7. Tidak dibenarkan makan atau minum di dalam Dewan.
8. Sila patuhi tatacara untuk masuk dan keluar dewan semasa persidangan sedang dijalankan.

## **15. Adakah sekolah/institusi pendidikan dibenarkan menghadiri Persidangan MMN?**

Sekolah dan institusi pendidikan dijemput untuk membawa penuntut-penuntut sebagai pendedahan kepada MMN, proses perundungan negara dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN. Permohonan lawatan boleh dibuat melalui surat rasmi kepada Urusetia MMN (Jawatankuasa Perhubungan Strategik) sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh lawatan.

## **16. Adakah perkhidmatan peralihan bahasa (*translation services*) disediakan semasa Persidangan MMN?**

Urusetia MMN menyediakan perkhidmatan peralihan Bahasa Melayu dalam Bahasa Inggeris (berdasarkan permohonan). Pelawat-pelawat yang memerlukan perkhidmatan ini bolehlah memohon sekurang-kurangnya 24 jam sebelum menghadiri persidangan kepada Urusetia MMN (Jawatankuasa Perhubungan Strategik) melalui:

Emel : majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn  
Tel : +673 2380501 ext 221

## **17. Bagaimanakah orang ramai melihat rakaman persidangan harian?**

Rakaman persidangan harian boleh diikuti melalui saluran RTB Perdana dan RTB Sukmaindera pada pukul 9.00 malam bagi rakaman sesi pagi dan diikuti lagi pada pukul 11.00 malam bagi rakaman sesi petang.

**18. Bagaimanakah orang ramai mendapatkan maklumat lanjut mengenai MMN dan persidangan?**

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah dikemukakan kepada Urusetia Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Ke-21:

Alamat:

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,  
Jalan Dewan Majlis, BB3910,  
Negara Brunei Darussalam

Telefon:

+673 2380501

Faks:

+673 2385500

Emel:

[majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn](mailto:majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn)